

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15/12/2018

36 Ahli Parlimen BN sokong Tun Mahathir

BH - 15/12/2018 m/s: 2

Kuala Lumpur: Seramai 36 Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) sudah menandatangani surat akuan menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perkara itu didedahkan oleh Ahli Parlimen Larut, Datuk Seri Hamzah Zainuddin pada temubual eksklusif dengan *NSTP* semalam.

Beliau antara Ahli Parlimen yang berbuat demikian berkata, langkah untuk memberi sokongan kepada kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri bukan di-

buat secara tergepoh-gapah.

Sebaliknya, beliau menegaskan, keputusan itu dibuat secara bersama Ahli Parlimen BN yang lain hampir sebulan lalu.

Tanda tangan sokongan kepada PM

“(Seramai) 33 Ahli Parlimen UMNO, satu PBR (Parti Bersatu Rakyat Sabah) dan dua MIC tandatangan sokongan kepada PM (Perdana Menteri).

“Keputusan ini bukan buat sehari dua, tetapi sudah hampir sebulan lalu.

“Kumpulan yang tandatangan ini ikhlas mahu pastikan kestabilan kerajaan sekarang dalam memastikan tidak ada pihak gunakan Parlimen untuk jatuhkan PM sebab kita ada dengar ura-ura.

“Kita beri sokongan kepada PM untuk memastikan kestabilan politik. Kita tidak mahu ada unsur-unsur perpecahan sehingga rakyat keliru.

“Inikan pula pelabur luar kerana bila pelabur lihat politik tidak stabil, ...mereka tidak mahu melabur dalam negara ini.

“Jika tidak, politik tidak stabil

menyebabkan kesan lebih besar kepada semua, terutama rakyat. Itu sebab kita mahu bagi kestabilan dan kita menyokong PM untuk meneruskan kepimpinannya.

“Semua ini demi kepentingan negara dan rakyat, supaya kita dilihat sebagai sebuah negara yang ada masa depan,” katanya.

Beri jaminan

Hamzah turut memberi jaminan beliau akan menyokong Dr Mahathir jika Perdana Menteri menerima desakan daripada mana-mana pihak.

Ditanya adakah Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tahu bahawa kumpulan Ahli Parlimen berkenaan beralih menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir, Hamzah berkata, bahawa bekas ‘bos’ tidak tahu.

Katanya, beliau ‘bersepakat’ bersama yang lain untuk tidak memaklumkan perkara itu kepada Ahmad Zahid.

Beliau juga menegaskan, tiada syarat yang dikenakan dalam proses pengalihan sokongan daripada Ahmad Zahid kepada Dr Mahathir.